

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JANUARI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
CAPAIAN : [Buka VTL rancak kembali ekonomi Johor \(bharian.com.my\)](http://Buka VTL rancak kembali ekonomi Johor (bharian.com.my))

Buka VTL rancak kembali ekonomi Johor



JELI: Pembukaan semula Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) yang berkuat kuasa serta-merta semalam meningkatkan lagi kegiatan ekonomi di Malaysia terutamanya di Johor selepas sempadan antarabangsa itu dibuka kembali.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, pihaknya mengalu-alukan keputusan membuka semula VTL antara Malaysia dan Singapura yang digantung sementara sebulan lalu.

"Keputusan pembukaan semula sempadan antarabangsa itu turut melegakan rakyat yang mempunyai ahli keluarga tinggal di Malaysia serta Singapura terutamanya menjelang Tahun Baharu Cina pada Februari ini," katanya.

Beliau berkata pada dalam sidang media selepas menyempurnakan Program CSR Pendidikan YPM anjuran Yayasan Pelajaran Mara (YPM), di Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Jeli, di sini, hari ini.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah YPM, Datuk Mohd Faizal Daud merangkap Presiden Himpunan Siswazah Kebangsaan (HIMSAK).

Media semalam melaporkan, penjualan tiket bas dan penerbangan bagi inisiatif Laluan VTL antara Malaysia dan Singapura yang digantung sementara sejak 23 Disember lalu, dibuka semula berkuat kuasa semalam.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, kuota tiket bas dan penerbangan yang dijual dikurangkan 50 peratus daripada kapasiti sedia ada.

Keputusan untuk membuka semula penjualan tiket bagi inisiatif VTL darat dan udara itu dibuat hasil penilaian risiko yang dilaksanakan berdasarkan situasi semasa Covid-19 di kedua-dua negara.

Pada 23 Disember lalu, Malaysia dan Singapura menggantung sementara penjualan tiket VTL udara dan darat hingga semalam susulan ancaman varian Omicron Covid-19.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata, ekonomi negara kini beransur pulih dan setakat ini ancaman varian Omicron tidak memberi kesan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Jika dilihat ancaman varian Omicron di peringkat antarabangsa, ia agak tinggi seperti peningkatan kes di negara Eropah, sebaliknya di negara China merekodkan sifar kes Covid-19 susulan tindakan ketat bagi mengelak penularan wabak itu," katanya.